



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT
Fire and Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-8892 7600
Faks: 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: operasi@bomba.gov.my

Ruj. Kami: JBPM/IP/OPS:600 – 1/1/3 Jld. II (18)

Tarikh : 19 Oktober 2020

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 9 TAHUN 2020

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN KENDERAAN JABATAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Menetapkan peraturan dan syarat-syarat penggunaan kenderaan Jabatan untuk tugas rasmi dan selain tugas rasmi yang dibenarkan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kenderaan Jabatan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Antaranya adalah jentera bomba, jentera bomba khas, kenderaan marin, kenderaan utiliti, kenderaan udara dan kenderaan konsesi.
- 2.2 Kemudahan kenderaan Jabatan adalah bagi melaksanakan tugas rasmi melibatkan fungsi Jabatan. Penyalahgunaan kenderaan selain daripada yang dibenarkan adalah merupakan satu kesalahan.

- 2.3 Kenderaan Jabatan adalah salah satu daripada aset alih yang perlu diuruskan mengikut tatacara pengurusan aset alih.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1 Bagi maksud Perintah Tetap Ketua Pengarah ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain -

‘Aktiviti-aktiviti kebajikan’ bermaksud menziarahi kakitangan Jabatan atau ahli keluarga terdekat yang sedang sakit atau meninggal dunia, menziarahi kakitangan Jabatan atau ahli keluarga terdekat bagi tujuan menyampaikan sumbangan, perpindahan barangan atas sebab perpindahan kediaman, pengangkutan secara berkumpulan ke sekolah bagi anak-anak kakitangan Jabatan, dan sebarang urusan berkaitan kebajikan yang dibenarkan oleh Ketua Jabatan;

‘Ahli keluarga terdekat’ bermaksud suami, isteri, anak kandung, anak angkat yang sah disisi undang-undang dan anak pelihara, ibu bapa kandung, ibu bapa mentua, dan penjaga kakitangan Jabatan yang sah;

‘Jabatan’ bermaksud Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

‘Jentera Bomba’ bermaksud semua kenderaan bagi tujuan operasi pemadaman dan/atau penyelamatan iaitu semua kategori *Fire Rescue Tender* (FRT), *Water Tender*, *Volunteer Fire Response Vehicle* (VFRV) yang dibekalkan oleh Jabatan;

‘Jentera Bomba khas’ bermaksud semua kenderaan sokongan bagi tujuan operasi pemadaman dan/atau penyelamatan iaitu *All Terrain Vehicle* (ATV), *Breathing Apparatus Vehicle* (BATV), *First Response Vehicle* (FRV), *Heavy Recovery Vehicle* (kembali), *High Performance Pump Module* (hydrosub), jentera HAZMAT, kenderaan komunikasi, Morita 46M *Super Gyro Ladder*, *Rapid Rescue*

Vehicle (RRV), Skylift, Turn Table Ladder (TTL), semua jenis Water Tanker, Emergency Medical Rescue Service (EMRS), Air Craft Refueler, Rapid Intervention Motorcycle (RIM), van penyiasatan kebakaran, kenderaan khas Unit Pengesan (K9 tender), dan lain-lain yang dikategorikan sebagai jentera Bomba khas yang dibekalkan oleh Jabatan;

'Kakitangan Jabatan' bermaksud semua Pegawai Bomba, dan pegawai gunasama yang sedang bertugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

'Kecemasan' bermaksud sebarang situasi yang menggelisahkan, merisaukan, mendatangkan bahaya kepada nyawa dan/atau harta benda serta memerlukan bantuan segera seperti membawa orang yang cedera akibat kemalangan atau sebarang kecelakaan bagi tujuan mendapatkan rawatan, membawa orang keluar dari kawasan atau jalanraya yang mungkin mendatangkan bahaya kepada nyawa ke tempat yang lebih selamat, *medical evacuation*, menziarahi ahli keluarga terdekat yang sedang sakit tenat atau kritikal;

'Kehilangan' bermaksud kehilangan aset alih Kerajaan disebabkan oleh kecurian, kebakaran, kemalangan, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuai kakitangan Jabatan;

'Kenderaan Jabatan' bermaksud semua jenis kenderaan dan jentera yang dibekalkan oleh Jabatan bagi tugas rasmi;

'Kenderaan konsesi' bermaksud kereta saloon yang disewa daripada syarikat konsesi (SPANCO) yang dilantik oleh Kerajaan;

'Kenderaan marin' bermaksud semua jenis bot bagi tujuan pemadaman dan/atau penyelamatan seperti bot aluminium, bot fibre, bot kevlar, *Amphibious Rigid Inflatable Boat (ARIB), Rigid Inflatable Boat (RIB), fire boat, dolphin boat,*

termasuk jet ski atau mana-mana bot yang dibekalkan oleh Jabatan;

'Kenderaan Udara' bermaksud helikopter atau lain-lain jenis pengangkutan udara Jabatan;

'Kenderaan Utiliti' bermaksud kenderaan Jabatan di darat bagi tujuan pengangkutan kakitangan Jabatan dan atau tanpa barangan lain untuk tugas rasmi, selain daripada jentera bomba dan jentera bomba khas yang tidak mempunyai peralatan operasi pemadaman dan/atau penyelamatan seperti van, pacuan empat roda, lori, *multi purpose vehicle* (MPV), bas panjang, dan bas mini (coaster).

'Ketua Jabatan' bermaksud Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Komandan, Pegawai Memerintah, Penolong Pengarah Bahagian, Ketua Zon dan Ketua Balai atau pegawai yang menanggung/menjalankan tugas bagi Ketua Jabatan;

'Pemandu' bermaksud Pegawai Bomba atau pegawai gunasama Jabatan yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk memandu, menyelenggara, menjaga kebersihan dan keselamatan kenderaan Jabatan dan mempunyai lesen memandu yang sah;

'Pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja' yang diliputi adalah –

- i. Pertubuhan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Negeri yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] seperti Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK), persatuan sukan dan kebajikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, dan Persatuan Isteri dan Pegawai Wanita Bomba dan Penyelamat (PERISMA);

- ii. Pertubuhan lain yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta 335 yang ditentukan oleh Ketua Setiausaha Negera dari semasa ke semasa seperti Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), Persatuan Keluarga Polis (PERKEP), Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT), Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI), Persatuan Wanita Luar Negeri (PERWAKILAN), Majlis Sukan Pertubuhan Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan;
- iii. Kesatuan sekerja perkhidmatan awam yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] seperti *Congress of Unions of Employees in the Public and Civil* (CUEPACS), Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia/ Sabah; dan
- iv. Kesatuan sekerja badan berkanun yang berdaftar dengan JHEKS di bawah Akta 262.

'Premis Jabatan' bermaksud Ibu Pejabat, Ibu Pejabat Negeri, Pejabat Unit, Akademi, Pangkalan Udara, Pejabat Zon, Balai, Bengkel Kejuruteraan, kuarters dan semua premis yang dimiliki oleh Jabatan;

'Tugas rasmi' bermaksud tugas berkaitan dengan fungsi Jabatan dan berkaitan yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai kanan Jabatan;

'Vehicle banksman' bermaksud seseorang yang membantu pemandu untuk meletakkan kenderaan secara selamat dengan memberi isyarat dari luar kenderaan pada kedudukan yang sesuai.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Pada dasarnya kenderaan Jabatan adalah ditetapkan untuk tugas rasmi Jabatan sahaja iaitu bagi tujuan operasi pemadaman

dan penyelamatan, aktiviti bagi tujuan keselamatan kebakaran, penyiasatan kebakaran, menghadiri mesyuarat, latihan, pengurusan dan lain-lain tugas berkaitan.

- 4.2 Walaubagaimanapun, penggunaan kenderaan Jabatan (**kecuali kenderaan konsesi**) bagi tujuan selain tugas rasmi seperti aktiviti-aktiviti kebajikan, pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja dan lain-lain **seperti di para 4.3** adalah dibenarkan dengan syarat mematuhi peraturan dan ketetapan berikut:

4.2.1 Mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan dan dicatat pada Buku Log Kenderaan serta Buku Harian Balai bagi kakitangan Jabatan;

4.2.2 Membuat permohonan bertulis secara rasmi dengan menamakan **ketua bertanggungjawab** dan mengisi **Borang Permohonan Penggunaan Kenderaan Jabatan** seperti di **Lampiran A**, dan **Borang Pelepasan Tanggungan** seperti di **Lampiran B** dan/atau **Lampiran C** bagi pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja kepada Ketua Jabatan;

4.2.3 Pengguna/penumpang yang bukan kakitangan Kerajaan hendaklah mengambil **insuran kemalangan secara individu/ berkelompok** sebelum menaiki kenderaan Jabatan;

4.2.4 Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003* Jadual Tatasusila Pegawai Bomba;

4.2.5 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan – Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan (Borang KEW. PA-9);

4.2.6 Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2018 – Peraturan Mengenai Penggunaan Kemudahan, Kelengkapan dan Aset Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan oleh pertubuhan kebajikan dan sukan serta kesatuan sekerja

Perkhidmatan Awam dan Berkanun (Pindaan SPA Bil. 2 Tahun 1999);

4.2.7 Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kebenaran penggunaan kenderaan Jabatan bagi tujuan selain daripada tugas rasmi termasuk bagi urusan berkaitan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia Berhad (KOBOPEM) dengan syarat tidak menjejaskan tugas rasmi dan kepentingan Jabatan.

4.3 Aktiviti-Aktiviti Selain Tugas Rasmi Yang Dibenarkan Memohon Penggunaan Kenderaan Jabatan

4.3.1 Persidangan Perwakilan/ Mesyuarat Agung/ Mesyuarat Exco/ Pemilihan Pegawai seperti Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK), *Congress of Unions of Employees in the Public and Civil* (CUEPACS), persatuan sukan dan kebajikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Persatuan Isteri dan Pegawai Wanita Bomba dan Penyelamat (PERISMA), Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Semenanjung Malaysia/ Sabah, dan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia Berhad (KOBOPEM);

4.3.2 Mengadakan atau menghadiri program seperti sukan / hari keluarga /jamuan / perkhemahan yang mempunyai hubungan langsung dengan Jabatan;

4.3.3 Aktiviti-aktiviti keagamaan, kebajikan, kesenian dan kebudayaan;

4.3.4 Mewakili pertandingan, kejohanan dan aktiviti sukan;

4.3.5 Sebagai pegawai sukan (*official*) untuk membantu mengelolakan sesuatu pertandingan seperti di atas;

4.3.6 Sebagai pegawai pasukan / jurulatih / pengadil / pegawai pertandingan;

4.3.7 Lawatan dan aktiviti kemasyarakatan.

4.4 Peraturan dan Syarat-Syarat Penggunaan Kenderaan Jabatan

4.4.1 Pemandu di kalangan Pegawai Bomba hendaklah **memakai pakaian seragam yang lengkap** semasa memandu mana-mana kenderaan Jabatan;

4.4.2 Tidak memandu atau membenarkan dipandu mana-mana kenderaan Jabatan dengan kelajuan yang berlebihan dan tidak membenarkan kenderaan itu diisi dengan muatan yang berlebihan tanpa sebab yang munasabah;

4.4.3 Mengguna, mengawal dan menyelenggara kenderaan Jabatan dan peralatan lain dengan cara yang betul, bersih dan sempurna;

4.4.4 Tidak dibenarkan mana-mana kenderaan Jabatan membawa mana-mana orang yang bukan kakitangan Jabatan tetapi dibenarkan bagi hal kecemasan bertindak secara *bona fide* dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan sebelum tindakan tersebut dibuat atau jika Ketua Jabatan tidak dapat dimaklumkan, seberapa segera selepas tindakan tersebut selesai;

4.4.5 Pegawai Bomba boleh dilantik sebagai pemandu bagi memandu semua kategori kenderaan Jabatan termasuk kenderaan konsesi mengikut kelas lesen memandu yang dimiliki;

4.4.6 Pegawai gunasama hanya dibenarkan memandu kenderaan konsesi sahaja kecuali bagi pegawai gunasama yang tugas hakikinya adalah berkaitan dengan penyelenggaraan dan pengujian kenderaan Jabatan di bengkel kejuruteraan dengan syarat memiliki lesen yang sah bagi kelas kenderaan Jabatan tersebut;

- 4.4.7 Pegawai Bomba Bantuan adalah ditafsirkan sebagai pengkhidmat awam bagi Jabatan dan dibenarkan menaiki kenderaan Jabatan;
- 4.4.8 Pemandu dilarang mengambil minuman beralkohol, menghisap rokok/vape, dan/atau mengambil bahan terlarang semasa memandu;
- 4.4.9 Pemandu dilarang menggunakan telefon bimbit semasa memandu kecuali secara *cordless*;
- 4.4.10 Pemandu dilarang memandu dalam keadaan mabuk, mengantuk atau memandu secara berbahaya;
- 4.4.11 Hanya pemandu yang dilantik oleh Jabatan dan memiliki lesen memandu yang sah mengikut kelas kenderaan dibenarkan memandu kenderaan Jabatan;
- 4.4.12 Pemandu hendaklah memastikan kenderaan Jabatan sentiasa dalam keadaan selamat untuk digunakan dan hendaklah membersihkan kenderaan Jabatan selepas digunakan;
- 4.4.13 Pemandu hendaklah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan lalu lintas berkuatkuasa;
- 4.4.14 Pemandu hendaklah berhati-hati semasa melalui kawasan selekoh, jalan sempit, jalan tidak rata, jalan licin berlopak air, jambatan sehalu, had ketinggian, dan *maximum load capacity* permukaan jalan;
- 4.4.15 Pemandu hendaklah memastikan keselamatan kenderaan termasuk peralatan dan barangan di dalam kenderaan;
- 4.4.16 Pemandu dilarang menggunakan siren dan lampu beacon bagi tujuan selain perjalanan menghadiri operasi atau semasa kecemasan;

- 4.4.17 Bagi perjalanan yang melebihi dua (2) orang, seorang pegawai paling kanan hendaklah dilantik sebagai ketua;
- 4.4.18 Pegawai paling kanan atau ketua yang mengetuai kenderaan Jabatan hendaklah memastikan adanya *vehicle banksman* atau penunjuk arah bagi membantu pemandu meletakkan kenderaan Jabatan terutamanya yang bersaiz besar seperti jentera bomba, jentera bomba khas, bas dan lori;
- 4.4.19 Pemanduan kenderaan utiliti hanya dibenarkan pada pada waktu siang antara jam 0600 sehingga jam 2000. Pemanduan di waktu malam adalah tidak dibenarkan kecuali bagi urusan kecemasan yang mendesak atau tugas-tugas yang memerlukan pemanduan pada waktu malam yang tidak dapat dielakkan seperti menghadiri majlis rasmi Jabatan setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan;
- 4.4.20 Sekiranya destinasi perjalanan jauh atau di luar daerah, adalah dinasihatkan untuk bergerak sehari (1) hari lebih awal sekiranya program bermula pada waktu pagi dan melantik dua (2) orang pemandu bagi sebuah kenderaan Jabatan;
- 4.4.21 Kenderaan Jabatan hendaklah tidak digunakan untuk menghantar kakitangan Jabatan berkursus jika bilangan penumpang kurang dari dua (2) orang kecuali dapat dipastikan bahawa adalah lebih ekonomikal membuat perjalanan sedemikian dari perjalanan pengangkutan awam;
- 4.4.22 Perjalanan yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) kenderaan Jabatan dengan menuju tempat yang sama hendaklah bergerak secara konvoi. Pegawai paling kanan hendaklah dilantik sebagai ketua konvoi. Ketua konvoi hendaklah menetapkan laluan yang akan diikuti dan menetapkan susunan kenderaan.

4.5 Tempat Simpanan Kenderaan Jabatan

4.5.1 Kenderaan Jabatan hendaklah sentiasa diletakkan di dalam kawasan premis Jabatan yang mempunyai perlindungan berbumbung semasa tidak digunakan kecuali sekiranya kemudahan tersebut tidak mencukupi atau tidak dapat disediakan;

4.5.2 Sekiranya kenderaan Jabatan yang digunakan tidak dapat diletakkan di dalam premis Jabatan, ia perlu diletakkan di tempat yang sesuai, selamat dan tidak berisiko tinggi bagi mengelakan sebarang kemalangan, kerosakan, kebakaran kecurian dan/atau kehilangan. Keutamaan hendaklah di mana-mana premis Kerajaan yang lain.

4.6 Kemalangan Melibatkan Kenderaan Jabatan

4.6.1 Sebarang kemalangan kenderaan Jabatan hendaklah diuruskan dengan merujuk arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan.

4.7 Kesalahan dan Tindakan Surcaj dan/atau Tatatertib

4.7.1 Kenderaan Jabatan hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sahaja secara gunasama oleh kakitangan Jabatan;

4.7.2 Tindakan surcaj dan/atau tatatertib boleh diambil ke atas kakitangan Jabatan yang menyalahgunakan kenderaan Jabatan untuk tujuan selain yang dibenarkan dan akan dipertanggungjawabkan ke atas segala tuntutan jika berlaku apa-apa kemalangan atau atas segala perbelanjaan membaiki kerosakan yang dialami;

4.7.3 Pemandu dan pegawai paling kanan/ketua adalah bertanggungjawab menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/ saman yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa (Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Jabatan

Pengangkutan Jalan dan pihak-pihak lain) jika kesalahan dilakukan oleh pemandu;

- 4.7.4 Pemandu dan pegawai paling kanan/ketua boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau surcaj berdasarkan peraturan semasa jika berlaku kemalangan, kerosakan, kebakaran kecurian dan/atau kehilangan akibat kecuaiannya.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah digunapakai dan dipatuhi oleh kakitangan Jabatan dan mana-mana pertubuhan kebajikan dan sukan serta persa sekerja yang memohon penggunaan kenderaan Jabatan.
- 5.2 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini hendaklah dibaca bersama semua senarai rujukan.

6.0 RUJUKAN

- 6.1 WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan Tahun 2013;
- 6.2 WP 4.2 Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia Tahun 2013;
- 6.3 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2018 – Peraturan Mengenai Penggunaan Kemudahan Kelengkapan dan Aset Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Sukan serta Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun;
- 6.4 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2020 - Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Jabatan;
- 6.5 Surat Arahan Ketua Pengarah - Kebenaran Memandu Kenderaan Utiliti Jabatan bagi Pegawai-pegawai Kanan Bomba bertarikh 6 Januari 2011;

- 6.6 Surat Arahan Ketua Pengarah bertarikh 30 Disember Tahun 2016 - Larangan Penggunaan Kenderaan Bomba Termasuk Jentera Bagi Tujuan Perarakan Di Waktu Perayaan;
- 6.7 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) - Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatusila Pegawai Bomba) 2003* Jadual Tatusila Pegawai Bomba.

7.0 TARIKH BERKUATKUASA


- 7.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 9 Tahun 2020 – Peraturan dan Syarat-syarat Penggunaan Kenderaan Jabatan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya ditandatangani.

8.0 PEMBATALAN

- 8.1 Dengan berkuatkuasanya Perintah Tetap Ketua Pengarah ini, maka Perintah Tetap Bilangan 2 Tahun 1987 Peraturan dan Syarat-syarat Mengenai Penggunaan Van Bomba dan Perintah Tetap Jabatan Bil. 4 Tahun 2013 Larangan Memandu Kenderaan Utiliti Pada Waktu Malam yang dikeluarkan sebelum ini adalah dianggap **terbatal**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: 19.10.2020

BORANG PERMOHONAN MENGGUNAKAN KENDERAAN JABATAN
(Bagi Tujuan Selain Tugas Rasmi)

1. Kepada Ketua Jabatan:
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia / Negeri / Akademi Bomba dan Penyelamat / Pangkalan Udara:
2. Melalui:
YS Pengarah Bahagian/ Timbalan Pengarah/ Pen. Pengarah Bahagian / Ketua Zon /
Ketua Balai Bomba dan Penyelamat:
3. Nama Pemohon :
4. No. Kad Pengenalan:
5. Tempat bertugas:
6. No. Tel. Pej. : 7. No. Tel. Bimbit :
8. Nama pertubuhan: 9. Alamat Pertubuhan:
-
-
10. Jawatan dalam pertubuhan :
11. Tujuan :
12. Destinasi:
13. Tarikh & masa : 14. Tarikh & masa :
dipinjam dipulangkan
15. Jarak pergi : 18. Model :
dan balik (km) kenderaan
19. No. daftar : 20. Penempatan :
kenderaan kenderaan
21. Nama Ketua Bertanggungjawab:
22. Nama penumpang-penumpang: (sertakan lampiran jika tidak mencukupi):
23. **Pengesahan Pemohon:** **Kelulusan Ketua Jabatan:**
Permohonan diluluskan/ tidak diluluskan.

Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Tarikh:	Jawatan:
Cop pertubuhan:	Tarikh:

Peringatan

- i. Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan untuk rekod Ibu Pejabat/Negeri, balai dan simpanan pemohon
- ii. Borang pelepasan tanggungan hendaklah disertakan.
- iii. Salinan nota perlindungan insuran penumpang (bukan kakitangan kerajaan) hendaklah disertakan.

BORANG PELEPASAN TANGGUNGAN

(diisi oleh penumpang yang berumur 18 tahun dan ke atas)

Saya..... No. K.P.

yang beralamat di

..... dengan
rela hati mengesahkan bahawa sebagai balasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia dan Kerajaan Malaysia, atas permintaan saya, membenarkan saya menaiki
sebagai penumpang kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia atau yang dipandu
bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan ini bersetuju bagi pihak diri saya, pentadbir harta
pusaka dan tanggungan saya, untuk melepaskan Kerajaan Malaysia dan/atau kakitangan
atau ejennya daripada segala liabiliti akibat daripada apa-apa kecederaan (termasuk apa-
apa kecederaan yang mengakibatkan kematian) yang dialami oleh saya atau apa-apa
kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan saya sekiranya berlaku kemalangan
semasa dalam perjalanan ketika saya berada sebagai penumpang di dalam kenderaan
tersebut.

Dibuat pada hb 20.....

.....
(Nama & tandatangan penumpang)

.....
(Nama & tandatangan saksi)

Nama :

No. kad pengenalan:

Alamat:

BORANG PELEPASAN TANGGUNGAN

(diisi oleh ibu/bapa/penjaga yang sah bagi penumpang yang berumur 18 tahun ke bawah)

Saya (nama ibu/ bapa atau penjaga yang sah*)

No. K.P. adalah ibu/ bapa/ penjaga yang sah* kepada (nama anak)

..... (no. sijil lahir/ no. mykid)

..... yang beralamat di

.....
dengan rela hati mengesahkan bahawa sebagai balasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kerajaan Malaysia, atas permintaan saya, membenarkan anak saya menaiki sebagai penumpang kenderaan yang dimiliki oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kerajaan Malaysia atau yang dipandu bagi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kerajaan Malaysia dengan ini bersetuju bagi pihak anak saya, pentadbir harta pusaka dan tanggungan saya, untuk melepaskan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kerajaan Malaysia dan/atau kakitangan atau ejennya daripada segala liabiliti akibat daripada apa-apa kecederaan (termasuk apa-apa kecederaan yang mengakibatkan kematian) yang dialami oleh anak saya atau apa-apa kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan anak saya sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan ketika anak saya berada sebagai penumpang di dalam kenderaan tersebut.

Dibuat pada hb 20.....

.....
(Nama & tandatangan ibu/bapa/penjaga yang sah)

.....
(Nama & tandatangan saksi)

No. kad pengenalan:

Alamat: